



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
( OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA )  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
( MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA )  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196  
Fax: 26911436

Ruj. Kami: (3) KKM 87 (P20/310/1) Bhg. 5

Tarikh: 7 Oktober 2002

Pengarah Kesihatan Negeri

.....

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Yg. Bhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 12 / 2002 -  
GARIS PANDUAN RAWATAN SUSULAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA BAGI  
PESAKIT TANGGUNGAN KERAJAAN**

-----

**1 TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan untuk rawatan susulan di Institut Jantung Negara bagi pesakit tanggungan kerajaan.

**2 LATAR BELAKANG**

Kos rawatan pesakit tanggungan kerajaan di Institut Jantung Negara didapati meningkat setiap tahun. Peningkatan yang amat ketara ialah bagi kos rawatan pesakit luar dimana dari tahun 1993 hingga 2001, peningkatannya ialah 627%. Garis panduan mengenai perolehan perkhidmatan perubatan dari pihak swasta yang telah diedarkan pada tahun 2001 menyatakan perolehan perkhidmatan swasta adalah bagi perkhidmatan yang tidak terdapat di hospital KKM. Prinsip yang sama juga digunakan bagi perolehan perkhidmatan daripada IJN.

Penetapan tempoh rawatan susulan untuk beberapa kategori kes ini telah dibincang dan dipersetujui bersama oleh pakar KKM dan pakar IJN.

-----

### **3 GARIS PANDUAN RAWATAN SUSULAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA BAGI PESAKIT TANGGUNGAN KERAJAAN**

Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara seperti tempoh rawatan susulan mengikut kategori kes, bekalan ubat kepada pesakit, tanggungjawab pakar IJN dan juga tanggungjawab pakar KKM.

### **4 TANGGUNGJAWAB**

Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan garis panduan ini.

### **5 PELAKSANAAN**

Garis panduan ini perlu dilaksanakan sertamerta.

### **6 PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan garis panduan ini hendaklah dikemukakan kealamat berikut,

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Cenderasari,  
50590, Kuala Lumpur

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang Ikhlas,



**(TAN SRI DATU DR. HJ. MOHAMAD TAHA BIN ARIF)**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

- s.k
- Ketua Setiausaha
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

# **GARIS PANDUAN RAWATAN SUSULAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA BAGI PESAKIT TANGGUNGAN KERAJAAN**

## **1 TUJUAN**

Menyediakan garis panduan untuk rawatan susulan di Institut Jantung Negara bagi pesakit tanggungan kerajaan.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Kos rawatan pesakit tanggungan kerajaan di IJN semakin meningkat setiap tahun dan peningkatan yang amat ketara ialah bagi kos rawatan pesakit luar yang meningkat sebanyak 627% dari tahun 1993 hingga 2001. Ini menjadikan kos rawatan keseluruhan meningkat sebanyak 156% bagi tempoh yang sama. Kementerian memberi perhatian kepada perkara ini terutama sekiranya rawatan yang diperolehi dari IJN itu sebenarnya boleh dilaksanakan di hospital KKM.
- 2.2. Perolehan perkhidmatan perubatan daripada pihak swasta adalah bagi perkhidmatan yang tidak terdapat di hospital KKM. Prinsip yang sama juga digunakan untuk perolehan perkhidmatan kardiothorasik/ kardiologi dari IJN. Pesakit sepatutnya telah menjalani pemeriksaan dan siasatan di hospital KKM dan di rujuk ke IJN untuk menjalani prosidur atau pembedahan yang tidak terdapat di hospital KKM yang merujuk. Selepas rawatan selesai pesakit seharusnya dirujuk semula untuk rawatan susulan di hospital KKM melainkan bagi pesakit bermasalah (complicated case) yang perlu di kendalikan oleh pakar kardiothorasik/kardiologi sendiri.
- 2.3. Garis panduan mengenai rawatan susulan di IJN disediakan bagi memastikan rawatan yang diperolehi dari IJN adalah mengikut peraturan yang ditetapkan. Perbincangan telah diadakan dengan pakar-pakar yang berkenaan di HKL dan pakar-pakar IJN untuk menetapkan tempoh rawatan susulan yang perlu di jalankan di IJN sebelum pesakit dirujuk semula ke hospital KKM.

## **3. PERATURAN SEDIA ADA**

- 3.1. Pada masa ini terdapat "Garis panduan mengenai perolehan perkhidmatan perubatan dari pihak swasta" yang bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan prosidur perolehan serta memastikan keberkesanan kos dan kualiti.

- 3.2. Dalam garis panduan berkenaan, salah satu kriteria bagi perolehan perkhidmatan perubatan dari pihak swasta ialah 'perolehan perkhidmatan perubatan swasta adalah bagi perkhidmatan (rawatan atau siasatan) yang tidak terdapat di hospital kerajaan yang merujuk'.
- 3.3. Kriteria yang sama juga terpakai untuk perolehan perkhidmatan dari IJN, oleh yang demikian garis panduan ini disediakan untuk tujuan tersebut.

#### 4 GARIS PANDUAN MENGENAI RAWATAN SUSULAN DI IJN

##### 4.1 Tempoh rawatan susulan

- i. Pesakit yang tidak menjalani pembedahan ataupun rawatan invasif di IJN tidak memerlukan rawatan susulan di IJN. Pesakit perlu dirujuk semula ke hospital yang merujuk selepas konsultasi, pemeriksaan dan rawatan selesai.
- ii. Pesakit yang sedang menunggu untuk menjalani pembedahan ataupun prosidur invasif dalam masa 1 tahun boleh mendapat rawatan susulan di IJN sehingga rawatan selesai.
- iii. Bagi pesakit yang telah menjalani pembedahan ataupun rawatan invasif di IJN, tempoh rawatan susulan di IJN adalah seperti berikut,
  - Selepas rawatan pembedahan atau rawatan invasif, rawatan susulan di klinik pakar IJN di jalankan bagi tempoh 6 hingga 12 bulan.
  - Bagi pesakit paediatric yang 'complicated' dan memerlukan beberapa pembedahan, tempoh rawatan susulan ialah diantara 1 hingga 2 tahun selepas pembedahan terakhir.
- iv. Pesakit bermasalah yang perlu dimasukkan semula ke wad atau pun memerlukan pemerhatian rapi oleh pakar kardiotorasik/kardiologi, tempoh rawatan susulan adalah mengikut keadaan pesakit. Pesakit akan dirujuk semula ke hospital KKM yang merujuk apabila pakar IJN berpendapat pesakit tidak lagi perlu di rawat di IJN. Kes sedemikian di jangka tidak ramai bilangan nya.
- v. Pesakit yang telah dirujuk semula ke hospital KKM boleh di rujuk kembali ke IJN sekiranya perlu. Tempoh rawatan susulan seterusnya adalah mengikut keadaan-keadaan yang telah dinyatakan diatas.

#### 4.2 Bekalan ubat kepada pesakit yang menerima rawatan susulan di IJN

- i. Sekiranya ubat yang diprescribe oleh pakar IJN ada terdapat di hospital KKM, maka kelonggaran hendaklah diberi untuk pesakit mengambilnya di IJN atau di hospital KKM. Semua unit dispensary hospital KKM perlu menerima pakai surat preskripsi yang dikeluarkan oleh IJN (tidak perlu disahkan oleh pegawai perubatan) dan membekalkan ubat kepada pesakit.
- ii. Bagi ubat yang tidak terdapat di hospital KKM, bekalan ubat hendaklah diperolehi dari IJN.

#### 4.3 Tanggungjawab Pakar IJN

- i. Pakar di IJN perlu merujuk semula pesakit ke hospital asal atau ke hospital terdekat yang ada pakar selepas tempoh yang telah ditetapkan.
- ii. Pakar IJN yang merawat pesakit hendaklah menyediakan surat maklumbalas rujukan yang memberikan maklumat mengenai penyiasatan, diagnosa dan rawatan yang diberi.
- iii. Pakar IJN perlu memantau tempoh rawatan susulan mengikut yang ditetapkan. Sekiranya terdapat pesakit menerima rawatan susulan di IJN melebihi tempoh yang ditetapkan, pakar IJN akan diminta oleh Bahagian Kewangan KKM untuk memberi pengesahan bagi membolehkan kos rawatan tersebut ditanggung oleh kerajaan.

#### 4.4 Tanggungjawab Pakar KKM

- i. Pakar KKM hanya merujuk pesakit yang memerlukan rawatan kepakaran kardiotorasik/kardiologi yang tidak terdapat di hospital masing-masing.
- ii. Setelah menerima rawatan di IJN dan pesakit dirujuk semula oleh pakar IJN ke hospital yang merujuk, pakar KKM bertanggungjawab memberi rawatan susulan yang diperlukan oleh pesakit. Pakar KKM boleh membuat konsultasi dengan pakar IJN sekiranya diperlukan.
- iii. Pakar KKM boleh merujuk semula pesakit ke IJN sekiranya di dapati perlu berbuat demikian.

## **5 TANGGUNGAWAB**

- 5.1 Pakar-pakar KKM dan pakar-pakar IJN adalah bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara dalam garis panduan ini.
- 5.2 Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital adalah bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan garis panduan ini.

## **6 PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat kemusykilan /pertanyaan mengenai garis panduan ini, sila berhubung dengan Bahagian yang berkenaan di alamat berikut,

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Cenderasari  
50590, Kuala Lumpur

## **7 TARIKH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan garis panduan ini bermula dari tarikh surat ini diterima.